



Anwar mengadakan pertemuan dengan Sheikh Mohammed Abdulrahman di luar Mesyuarat Khas Forum Ekonomi Sedunia di Riyadh, semalam yang turut dihadiri Mohamad dan Tengku Zafrul. (Foto BERNAMA)

Negara Islam diajak senada bela Palestin

Anwar hargai usaha Arab Saudi terus perjuang hak penduduk Gaza

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia mengajak seluruh negara Arab dan negara Islam, khususnya Arab Saudi agar senada dan tegas dalam menuntut keadilan buat rakyat Palestin dengan memastikan Israel diheret ke muka pengadilan.

Pandangan itu disuarakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada pertemuannya dengan Putera Mahkota yang juga Perdana Menteri Arab Saudi, Mohammed bin Salman di Istana Yamamah di Riyadh, Arab Saudi, kelmarin.

Menurut Anwar, tindakan tegas sedemikian wajar diambil atas segala jenayah dan kezaliman di luar batas kemanusiaan yang dilakukan rejim Zionis terhadap Palestin sejak puluhan tahun.

"Perbincangan kami menyentuh soal hubungan dua hala Malaysia dan Arab Saudi serta isu-isu serantau. Saya zahirkan penghargaan terhadap kepimpinan yang dipamerkan Kerajaan Arab Saudi terkait urusan hal ehwal umat Islam, termasuk dalam konflik Palestin-Israel.

"Di samping terus memperjuangkan hak perlindungan dan akses bantuan kemanusiaan, semua pihak juga perlu menyuarakan bantahan terhadap pencerobohan dan pendudukan haram Israel di tanah Palestin yang menjadi punca utama konflik ini berpanjangan," katanya.

Menjelaskan demikian dalam hantaran di Facebook beliau se-

malam, Perdana Menteri juga menyatakan kesediaan Malaysia untuk bersama-sama dalam Visi 2030 Arab Saudi dengan meneroka ruang kerjasama baharu, terutama dalam bidang tenaga boleh diperbaharui (RE) dan hidrogen.

"Saya juga mengalu-alukan kehadiran pelabur dari Arab Saudi ke Malaysia untuk meneroka potensi pelaburan dalam projek bernilai tinggi seperti ekonomi digital dan hijau, kecerdasan buatan (AI), tenaga bersih, pertahanan, elektrik dan elektronik serta aeroangkasa.

"Penghargaan turut saya beringkan kepada Kerajaan Arab Saudi yang bermurah hati memperuntukkan 31,600 kuota haji untuk Malaysia tahun ini," kata Perdana Menteri yang mengulangi jemputan buat Putera Mahkota melakukan kunjungan rasmi ke Malaysia sesegera mungkin.

Lawatan kukuh hubungan

Anwar bersama delegasi, iaitu Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan dan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Aziz mengakhiri siri rangka lawatan tiga hari ke Riyadh bagi menghadiri Mesyuarat Khas Forum Ekonomi Sedunia (WEF), malam kelmarin.

"Saya percaya lawatan kali ini memperkukuhkan lagi hubungan erat Malaysia dan Arab Saudi, di samping membuka pelbagai potensi pelaburan yang bakal menyumbang kepada kemakmuran rakyat Malaysia keseluruhannya, insya-Allah.

"Saya juga maklumkan bahawa Malaysia sudah bersedia untuk mempengerusikan ASEAN tahun depan, termasuk menganjurkan Sidang ASEAN-GCC-China," katanya.

Sementara itu, BERNAMA melaporkan dari Riyadh, Anwar pada sidang media bersama war-

tawan Malaysia pada akhir lawatannya, memaklumkan Putera Mahkota Arab Saudi menyatakan hasrat mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia menjelang akhir tahun ini, namun tarikh belum dimuktamadkan.

Anwar berkata, selain mengukuhkan hubungan dua hala Putrajaya-Riyadh, Putera Mohammed turut menekankan agar Arab Saudi memberi tumpuan kepada pelaburan skala besar di Malaysia.

"Saya lihat beliau bersungguh-sungguh mahu supaya Malaysia diberi tumpuan. Dalam perbincangan dengan menteri-menteri dan syarikat (Arab Saudi) juga, nampak kesungguhan yang sama. Saya jumpa Menteri Kewangan dan Menteri Perdagangan (Arab Saudi), pun sebut bahawa arahan itu jelas," katanya.

Perdana Menteri turut mengadakan pertemuan dengan pemimpin negara lain, antaranya Iraq, Rwanda, Jordan, Pakistan dan Qatar, selain syarikat antarabangsa yang antaranya menyatakan minat melabur di Malaysia seperti syarikat pembekal tenaga, TotalEnergies dari Perancis dan syarikat gergasi RE, ACWA Power dari Arab Saudi.

Dalam pertemuan dengan Perdana Menteri merangkap Menteri Luar Qatar, Sheikh Mohammed bin Abdulrahman bin Jassim Al Thani, Anwar menyatakan kesediaan Malaysia bekerjasama dengan Qatar dan negara lain di Asia Barat bagi memberikan rawatan kepada rakyat Palestin yang cedera akibat keganasan Israel.

Perdana Menteri turut menyatakan sokongan terhadap peranan Qatar sebagai pengantara dalam isu Palestin dan menzahirkan penghargaan Malaysia kepada negara itu yang membantu usaha membawa keluar rakyat negara kita, Nurul Ain Haron dari Gaza pada November 2023.